

# K-SAMA UMS DENGAN AGENSI KERAJAAN, SWASTA SUMBANGAN BESAR INDUSTRI PERTANIAN

NST 30.10.16 1

**SANDAKAN:** Kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan agensi kerajaan dan swasta akan memberikan sumbangan yang besar kepada industri pertanian, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

"Ia sejajar dengan usaha untuk membantu kerajaan negeri membangunkan industri berasaskan tani," katanya ketika merasmikan Karnival Tani sempena ulang tahun ke-10 Fakulti Pertanian Lestari UMS di Batu 10 dekat sini, kelmarin.

Musa berkata, beberapa perjanjian dimeterai sebelum ini antara UMS dan agensi kerajaan dan swasta seperti Felda Global Venture Berhad, Jabatan Hidupan Liar Sabah dan Hafiz Farm Sdn Bhd mampu memberi manfaat terhadap industri pertanian di negeri ini.

Musa berkata di UMS terdapat

institut dan pusat yang memainkan peranan utama khususnya penyelidikan dalam bidang pertanian.

"Misalnya Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit (SPOR) yang beroperasi di UMS Sandakan amat sesuai dengan aktiviti utama pertanian di daerah ini iaitu penanaman kelapa sawit. Sudah tentu hasil penemuan terkini seperti penemuan baka baharu dan cara mengatasi masalah serangan kumbang badak umpamanya akan dapat membantu petani di negeri ini," katanya.

Musa berkata usaha lebih giat antara UMS dan agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah amat penting, termasuk dalam konteks keselamatan makanan untuk memenuhi keperluan permintaan makanan negara yang semakin meningkat. Bernama



MUSA (dua kanan) melawat pameran semasa majlis Karnival Tani Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan, kelmarin.